

**Kerajaan Pusat Sedia Banyak Peruntukan Baiki Dan Bina Rumah Di Kedah
Bernama
20 Ogos, 2012**

ALOR SETAR, 20 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan menerusi agensi pelaksanaannya memperuntukkan lebih RM8 juta bagi projek bantuan rumah (PBR) di Kedah dari Januari hingga Mac tahun ini.

Agensi pelaksana itu adalah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) yang menjalankan kerja membaik pulih rumah dan membina rumah baru manakala Giat Mara pula menjalankan kerja membaik pulih rumah.

Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah dalam satu kenyataan kepada Bernama berkata bagi Januari hingga Mac, Keda membaik pulih 378 unit rumah membabitkan peruntukan RM4,158,000 manakala 76 unit rumah baru dibina melibatkan kos RM3,040,000.

"Rumah yang dibaik pulih oleh Giat Mara adalah sebanyak 88 unit dengan peruntukan sebanyak RM968,000," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Keda Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah berkata bagi tempoh 2009 hingga 2011, agensi itu membina sebanyak 1,931 rumah baru manakala rumah yang dibaik pulih adalah 1,395 unit.

"Pada tahun 2009, kita bina 1,271 rumah, pada 2010 sebanyak 525 rumah dan tahun lepas 135 rumah. Bagi rumah yang dibaik pulih, ia melibatkan 343 rumah pada 2009, 477 rumah pada 2010 dan 575 pada 2011," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau berkata jumlah peruntukan yang diberi oleh kerajaan Persekutuan kepada Keda bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah sebanyak RM78 juta.

Ahmad Bashah berkata Keda menerima permintaan tinggi daripada orang ramai untuk mendapatkan dua jenis bantuan itu dan bagi tahun ini, Keda mendapat peruntukan sebanyak RM12.3 juta, iaitu pertambahan daripada peruntukan asal sebanyak RM8.3 juta.

"Daripada peruntukan RM12.3 juta berkenaan, agensi ini akan dapat membina 206 rumah baru dan membaik pulih sejumlah 378 unit rumah," katanya.

Beliau berkata permohonan yang diterima setiap tahun adalah tinggi dan senarai menunggu agak ramai.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689011>